## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 28 NOVEMBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | AGIH SUBSIDI SECARA BERSASAR, NASIONAL, BH -1 & 2<br>ANWAR JAMIN PIHAK INDUSTRI DIBERI PERHATIAN, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -27 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | PENGUSAHA ENGGAN TAMBAH BOT SUSULAN KOS OPERASI TINGGI, SETEMPAT, HM -12<br>KOS OPERASI BOT TINGGI PUNCA IKAN KURANG DI TOK BALI, NASIONAL, BH -17<br>BAT LANDINGS DECLINE IN TOK BALI DUE TO INSUFFICIENT CREW, NATION, THE STAR -14<br>EXCO: HIGH OPERATING COSTS AMONG CAUSES OF POOR BOAT LANDINGS IN TOK BALI, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -4<br>KELANTAN DEEP SEA BOAT OPERATORS WOE, NATION, DAILY EKSPRESS (KK ) -4 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 8. | PENYELIDIK UM BANTU PETANI HARUMANIS HASIL BIOCHAR, KOSMO 2, KOSMO -29 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agih subsidi secara bersasar | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 1,2 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 941 cm² |
| Journalist | Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Hazwan Faisal | AdValue | RM 31,159 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 93,477 |



# Subsidi bersasar bukan untuk orang kaya



Datuk Seri Anwar Ibrahim mengotakan janjinya untuk menangani isu kos sara hidup rakyat dengan menegaskan, pengagihkan subsidi harus dilaksana secara bersasar dan hanya dinikmati golongan yang benar-benar layak. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) diarah untuk mencerakin dan menelusuri implikasi subsidi dalam tempoh dua minggu.

*Nasional* **2**



- Pemberian subsidi minyak dan elektrik diteliti semula memandangkan manfaat yang diterima golongan miskin dan kaya adalah hampir sama

- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diminta ambil langkah perlu untuk mengawal harga makanan, terutama telur ayam



Powered by: isentia

| Headline | Agih subsidi secara bersasar | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 1,2 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 941 cm² |
| Journalist | Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Hazwan Faisal | AdValue | RM 31,159 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 93,477 |

# Agih subsidi secara bersasar

## PM beri tempoh dua minggu kepada NACCOL telusuri implikasi

**Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Hazwan Faisal Mohamad dan Noor Atiqah Sulaiman**
bhnews@bh.com.my



*Anwar mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di Bangunan Perdana Putra, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Putrajaya:** Hari keempat dilantik Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengotakan janjinya untuk menangani isu kos sara hidup yang menekan rakyat ketika ini dengan menegaskan, pengagihan subsidi harus dilaksanakan secara bersasar.

Beliau berkata, ini bagi memastikan subsidi yang memberi implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan pada masa ini, hanya dinikmati oleh pihak yang benar-benar layak.

Justeru, Perdana Menteri mengarahkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) untuk mencerakin dan menelusuri implikasi subsidi dalam tempoh dua minggu, selain memberi jaminan kepentingan pihak industri tetap diberi perhatian.

"Saya tidak ada masalah dengan subsidi untuk rakyat, (cuma) subsidi harus bersasar... jika tidak, harga minyak sebagai contoh, dimanfaatkan oleh golongan miskin dan kaya.

"Saya memberi tempoh dua minggu untuk mencerakin serta menelusuri seluruh implikasi, dan berbincang dengan sektor swasta serta pelabur supaya mereka faham subsidi tujuannya ialah meringankan beban rakyat miskin," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas NACCOL 2022, di sini, semalam.

Mesyuarat bersama jabatan dan agensi kerajaan itu turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Antara pegawai tinggi kerajaan yang hadir pada mesyuarat bermula 11 pagi ialah Gabenor Bank Negara; Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, pegawai daripada Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

### Dasar menyeluruh diteliti

Pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), Pakatan Harapan (PH) menerusi manifesto bertemakan 'Kita Boleh' antaranya menggariskan usaha bagi menangani isu kos sara hidup yang mencengkamkan rakyat selepas negara dilanda pandemik COVID-19. Berdasarkan manifesto itu, PH komited menghapuskan kartel, memastikan bekalan bahan mentah mencukupi dan meningkatkan tenaga kerja sektor agro bagi memastikan keselamatan makanan terus terjamin.

Pada sidang media semalam, Perdana Menteri juga menjelaskan, golongan kaya dan industri besar tidak seharusnya mengambil manfaat daripada subsidi yang dikhaskan bagi membantu rakyat terkesan kerana ia menjadi beban kewangan besar kepada kerajaan.

Bagaimanapun untuk golongan kaya dan industri besar terbabit, beliau berkata, pelbagai kemudahan serta insentif akan diperbaiki supaya mereka juga tidak terbeban.

Anwar berkata, dasar menyeluruh berkaitan isu subsidi itu akan diteliti selepas pembentukan Kabinet.

"Tentunya golongan kaya atau industri tidak harus ambil manfaat, tetapi ada kepentingan lain yang kita akan sediakan, umpama kemudahan lain, insentif untuk syarikat akan diperbaiki supaya ia tidak jadi satu beban kepada mereka kerana mereka biasa dengan subsidi ini," katanya.

Beliau turut memberi contoh agar pemberian subsidi elektrik diteliti semula memandangkan pada masa ini manfaat yang diterima golongan miskin dan kaya adalah hampir sama.

"Ini turut membabitkan soal tarif elektrik. Dari segi angka dibentangkan itu, manfaat diberikan kepada golongan miskin hampir sama dengan manfaat diterima golongan kaya sekitar RM2.5 bilion.

"Jadi bagi saya, ia tidak munasabah... namanya subsidi tetapi yang mendapat manfaat ialah golongan lain. Maknanya, subsidi elektrik itu diteruskan... saya bila sebut perkara ini, tidak mahu ada kebimbangan subsidi untuk rakyat," katanya.

### Ambil langkah kawal harga

Anwar turut meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengambil langkah perlu untuk mengawal harga makanan, terutama telur ayam.

"Apa yang ditekankan ialah masalah harga barang, kos sara hidup.

"Saya mengucapkan terima kasih kerana industri nampaknya menyediakan telur mencukupi dalam pasaran dan berdasarkan keterangan, hal ini (bekalan telur ayam) akan bertambah dalam masa singkat.

"Saya lebih ingin menekankan supaya kos itu dapat dikawal lagi. Ini termasuk MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), mengambil langkah supaya harga di pusat pengeluaran itu tidak terlalu (atau tinggi) dalam pasaran," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menzahirkan rasa bangga dengan komitmen penjawat awam yang sanggup menghadiri mesyuarat walaupun dengan notis singkat.

Powered by: isentia

| Headline | Anwar jamin pihak industri diberi perhatian | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | 27 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 425 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,960 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 11,881 |



ISNIN
Utusan Sarawak
28 NOVEMBER 2022
3 JAMADILAWAL 1444H

BISNES

• Agihan subsidi bersasar

# Anwar jamin pihak industri diberi perhatian

"Subsidi ini harus bersasar, disasarkan seperti harga minyak, ia turut dinikmati golongan kaya, saya beri dua minggu untuk cerakin dan menelusuri implikasi dan berbincang dengan sektor swasta, pelabur yang berminat supaya mereka faham subsidi itu tujuannya meringankan beban rakyat miskin."

• Datuk Seri Anwar Ibrahim



**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam memberi jaminan kepentingan pihak industri akan tetap diberi perhatian walaupun kerajaan akan mencerakin dan menelusuri semula kaedah pengagihan subsidi kepada subsidi bersasar.

Beliau berkata, ini bagi memastikan subsidi yang memberi implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan pada masa ini, hanya dinikmati oleh pihak yang benar-benar layak.

Bagaimanapun, Anwar berkata, kerajaan akan menyediakan kemudahan lain dan insentif yang akan diperbaiki untuk syarikat-syarikat agar ia tidak menjadi bebanan kerana mereka biasa dengan subsidi ini.

"Subsidi ini harus bersasar, targeted (disasarkan) seperti harga minyak, ia turut dinikmati golongan kaya, saya beri (tempoh) dua minggu untuk (pihak majlis tindakan) cerakin dan menelusuri implikasi dan berbincang dengan sektor swasta, pelabur yang berminat supaya mereka faham subsidi itu tujuannya meringankan beban rakyat miskin.

"Tentunya golongan kaya atau industri tidak harus ambil manfaat tetapi ada kepentingan lain yang kita akan sediakan, umpamanya kemudahan lain, insentif untuk syarikat akan diperbaiki supaya ia tidak jadi satu beban kepada mereka kerana mereka biasa dengan subsidi ini," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara 2022.

Mesyuarat bersama jabatan dan agensi kerajaan itu diadakan bagi membincangkan isu kos sara hidup yang menekan rakyat.

Antara pegawai tinggi kerajaan yang hadir pada mesyuarat bermula 11.00 pagi semalam ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali, Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, pegawai-pegawai daripada Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Selain itu, beliau mahu pemberian subsidi elektrik diteliti semula memandangkan pada masa ini manfaat yang diterima golongan miskin dan kaya adalah hampir sama.

"Bagi saya ia tidak munasabah, namanya subsidi tetapi mendapat manfaat kepada yang lain," katanya sambil memberi jaminan subsidi elektrik akan diteruskan bagi mengelakkan ia menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat yang layak menerimanya.

Namun, katanya bagi golongan terkaya dan industri besar tidak harus menerimanya kerana ia menjadi beban kewangan yang besar kepada kerajaan.

- Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pengusaha enggan tambah bot susulan kos operasi tinggi | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 12 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 207 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,155 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,464 |



PENDARATAN IKAN DI TOK BALI BERKURANGAN

# *Pengusaha enggan tambah bot susulan kos operasi tinggi*

**Kota Bharu:** Kos operasi tinggi menyebabkan pengusaha bot laut dalam tidak bersedia menambah bot, sekali gus menyebabkan penurunan pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, dekat Pasir Puteh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar negeri **Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail** berkata, berdasarkan pemerhatian Jabatan Perikanan Negeri Kelantan, penurunan nilai mata wang ringgit bukan faktor utama menjejaskan atau mempengaruhi bilangan pendaratan bot nelayan di Tok Bali.

Sebaliknya beliau berkata, faktor lain disebabkan kadar lesen aktif semakin berkurang dan sukar diperbaharui ekoran kekurangan kru yang mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan kapal sedia ada sudah lama.

> *Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan Kelantan memperuntukkan RM975,000 tahun ini"*
>
> **Tuan Mohd Saripudin**

"Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan Kelantan memperuntukkan RM975,000 tahun ini.

"Peruntukan berkenaan bagi membantu dan meringankan kos nelayan dalam sektor perikanan dan ternakan akuakultur," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Selising berkata demikian sebagai menjawab soalan **Wan Hassan Wan Ibrahim (Pas- Semerak)** pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan di Kota Darulnaim, semalam, berkenaan tindakan kerajaan mengatasi masalah kekurangan pendaratan ikan di Tok Bali.

Tuan Mohd Saripudin berkata, bagi tahun ini, Jabatan Perikanan menyasarkan 61,000 metrik tan pendaratan ikan.

"Sehingga September lalu, pendaratan ikan direkodkan bagi empat daerah menunjukkan prestasi positif ke arah mencapai sasaran tahunan.

"Kerajaan juga berharap penyelesaian lebih holistik dapat diambil bersama Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam menghadapi cabaran ini antaranya memperbanyakkan kembali lesen laut dalam dan dibuka semula lesen zon tradisi C serta B," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kos operasi bot tinggi punca ikan kurang di Tok Bali | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 17 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 187 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,216 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,648 |



# Kos operasi bot tinggi punca ikan kurang di Tok Bali

**Kota Bharu:** Kos operasi yang tinggi menyebabkan pengusaha bot laut dalam tidak bersedia menambah bot, sekali gus memberi kesan kepada penurunan pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, dekat Pasir Puteh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata berdasarkan pemerhatian Jabatan Perikanan Kelantan, penurunan nilai mata wang ringgit bukan faktor utama yang mempengaruhi bilangan pendaratan bot nelayan di Tok Bali.

Sebaliknya beliau berkata, faktor lain disebabkan oleh kadar lesen aktif semakin berkurangan dan sukar diperbaharui ekoran kekurangan kru yang mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan kapal sedia ada sudah lama.

"Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan Kelantan memperuntukkan sebanyak RM975,000 tahun ini.

"Peruntukan berkenaan bagi membantu dan meringankan kos nelayan dalam sektor perikanan dan juga ternakan akuakultur," katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan, di sini, semalam.

## Sasar 61,000 tan ikan

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising berkata demikian sebagai menjawab soalan Wan Hassan Wan Ibrahim (PAS- Semerak) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kota Darulnaim, hari ini, berkenaan tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pendaratan ikan di Tok Bali.

Tuan Mohd Saripudin berkata, bagi tahun ini, Jabatan Perikanan menyasarkan 61,000 tan pendaratan ikan.

"Sehingga September lalu, pendaratan ikan yang direkodkan bagi empat daerah menunjukkan prestasi yang positif ke arah mencapai sasaran tahunan.

"Kerajaan juga berharap penyelesaian secara lebih holistik dapat diambil bersama dengan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam menghadapi cabaran ini antaranya memperbanyakkan kembali lesen laut dalam dan dibuka semula lesen zon tradisi C serta B," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Boat landings decline in Tok Bali due to insufficient crew | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 175,986 |
| Page No | 14 | Readership | 527,958 |
| Language | English | ArticleSize | 118 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,961 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,884 |



# Boat landings decline in Tok Bali due to insufficient crew

**KOTA BARU:** High operating costs have deterred deep sea boat operators from increasing the number of new vessels.

This has led to the decrease in fishing boat landings in Tok Bali, Pasir Puteh.

State agriculture, agro-based industry, biotechnology, green technology and environment committee chairman Tuan Saripuddin Tuan Ismail said based on the Kelantan State Fisheries Department's observation, the depreciation of the ringgit was not the main factor affecting or influencing the number of landings in Kelantan.

"The situation has arisen partly because the number of active licences is decreasing and it is difficult to renew them as there are not enough crew members who have Temporary Employment Visit Passes, and the existing vessels are old," he added.

He was responding to a question from Wan Hassan Wan Ibrahim (PAS-Semerak) who wanted to know whether the government was aware that the number of fishing boats landing in Tok Bali had dropped significantly, especially after the Covid-19 pandemic, Bernama reported.

Tuan Saripuddin is hoping that a more holistic solution can be taken with the Federal Government under the Agriculture and Food Industries Ministry by increasing the number of deep-sea licences and reopening the traditional C and B zone licences.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Exco: High operating costs among causes of poor boat landings in Tok Bali | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 4 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 106 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 723 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,168 |



# Exco: High operating costs among causes of poor boat landings in Tok Bali

KOTA BHARU: The inability of deep sea boat operators to increase vessels due to high operating costs is one of the factors contributing to the decrease in fishing boat landings in Tok Bali, Pasir Puteh.

State Agriculture, Agro-based Industry, Biotechnology, Green Technology, and Environment Committee chairman Tuan Saripuddin Tuan Ismail said that based on the Kelantan State Fisheries Department's observation, the depreciation of the ringgit was not the main factor affecting or influencing the number of landings in Kelantan.

"The situation has arisen partly because the number of active licences is decreasing and it is difficult to renew them because there are not enough crew members who have Temporary Employment Visit Passes (PLKS) and the existing vessels are old," he said.

He was responding to a question from Wan Hassan Wan Ibrahim (PAS-Semerak) who wanted to know if the government was aware that the number of fishing boats landing in Tok Bali had dropped significantly, especially after Covid-19.

Tuan Saripuddin said the fishing sector in Kelantan is on track to increase marine fish landings following the government's announcement that Malaysia has entered the Transition to the Endemic phase.

He hoped that a more holistic solution can be taken together with the federal government under the Ministry of Agriculture and Food Industries by increasing the number of deep-sea licences and reopening the traditional C and B zone licences. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kelantan deep sea boat operators` woe | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 4 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 133 cm² |
| Journalist | Bernama | AdValue | RM 283 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 848 |



# Kelantan deep sea boat operators' woe

KOTA BARU: Deep sea boat operators' inability to increase vessels due to high operating costs is one of the factors contributing to the decrease in fishing boat landings in Tok Bali, Pasir Puteh.

State Agriculture, Agro-based Industry, Biotechnology, Green Technology, and Environment Committee Chairman Tuan Saripuddin Tuan Ismail said that based on the Kelantan State Fisheries Department's observation, the depreciation of the ringgit was not the main factor affecting or influencing the number of landings in Kelantan.

"The situation has arisen partly because the number of active licences is decreasing and it is difficult to renew them because there are not enough crew members who have Temporary Employment Visit Passes (PLKS) and the existing vessels are old," he said.

He was responding to a question from Wan Hassan Wan Ibrahim (PAS-Semerak) who wanted to know if the government was aware that the number of fishing boats landing in Tok Bali had dropped significantly, especially after COVID -19.

Tuan Saripuddin said the fishing sector in Kelantan is on track to increase marine fish landings following the government's announcement that Malaysia has entered the Transition to the Endemic phase.

He hoped that a more holistic solution can be taken together with the federal government under the Ministry of Agriculture and Food Industries by increasing the number of deep-sea licences and reopening the traditional C and B zone licences. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Penyelidik UM bantu petani harumanis hasil biochar | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 28 Nov 2022 | Color | Full Color |
| Section | Kosmo 2 | Circulation | 155,996 |
| Page No | 29 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 882 cm² |
| Journalist | Oleh Sairul zamri Misrani | AdValue | RM 22,977 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 68,932 |

[redacted]

Kampus

# Penyelidik UM bantu petani harumanis hasil biochar

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

MEMPELAM harumanis memang terkenal sebagai salah satu produk pertanian popular dari Perlis.

Musim berbuahnya yang singkat iaitu sekitar April dan Mei setiap tahun menjadikannya antara tumpuan penyelidik untuk membantu pengusaha tanaman itu melipatgandakan keluaran mereka.

Baru-baru ini, sekumpulan penyelidik dari Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM) menganjurkan bengkel dan perkongsian maklumat mengenai kelebihan penggunaan biochar dalam proses penanaman harumanis.

Program yang dianjurkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Perlis serta Pertubuhan Peladang Kawasan Arau itu disertai 30 pengusaha ladang harumanis dan penduduk setempat.

Ketua Kumpulan Penyelidik UM, Dr. Rosazlin Abdullah berkata, program tersebut bertujuan untuk berkongsi dapatan geran penyelidikan pihaknya kepada orang awam terutamanya pengusaha harumanis di negeri Indera Kayangan itu.

Katanya, biochar (bioarang) yang dihasilkan daripada proses pembakaran pirolisis sisa pertanian dan hutan adalah organik serta mesra alam.

"Disebabkan ruang rongga dan pori biochar yang besar, serta permukaannya luas, biochar mampu 'memegang' baja kimia.

"Tidak setakat itu, biochar juga melambatkan pelepasan molekul baja ke tanah dan udara," katanya lagi.

Tambah Rosazlin, program tersebut juga bersifat dua hala apabila pihak MARDI turut berkongsi kemahiran dan kaedah penanaman serta pengurusan ladang harumanis berskala besar.

"Para peserta didedahkan dengan teknik memangkas pokok harumanis dengan betul. Hal ini kerana ia memberi kesan kepada kerimbunan pokok dan penghasilan bunga.

"Sisa canting dan daun pokok yang dipangkas telah dijadikan biochar oleh pihak penyelidik UM.

"Ia dihasilkan menerusi kaedah pirolisis yang hanya menggunakan oksigen minimum dan kurang menghasilkan asap," katanya.

Tambahnya, sudah menjadi tanggungjawab penyelidik untuk sentiasa mencari penyelesaian kepada komuniti termasuk kaedah bagi mengatasi masalah penggunaan baja kimia.

"Kebaikan biochar telah terbukti berdasarkan kajian-kajian yang kami jalankan.

"Melalui amalan pertanian yang baik, semua pihak mampu menjamin kelestarian tanah, pertanian dan alam sekitar.

"Akhirnya, ia merealisasikan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," katanya.

Salah seorang peserta program, Roslan Ibrahim, 61, berkata, kaedah penanaman dan pengurusan harumanis yang didedahkan semasa program tersebut sangat berharga kepada pengusaha sepertinya.

"Kami dapat mengurangkan kos penanaman melalui penggunaan biochar yang dihasilkan sendiri. Saya juga tahu yang petani seperti kami mampu menyelamatkan alam sekitar dan melipatgandakan hasil tanaman," ujarnya.



PARA peserta bengkel turut didedahkan dengan teknik memangkas pokok harumanis dengan betul oleh pihak MARDI.



BIOCHAR ini dihasilkan daripada proses pembakaran sisa pertanian dan hutan.

SERAMAI 30 pengusaha ladang harumanis dan penduduk sekitar Perlis menyertai bengkel mengenai biochar itu.






ROSAZLIN

Powered by: isentia